



## KERAJAAN NEGERI SABAH

[KEW 100-4/4 JLD.11 (70)]

### PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL.3/2026

#### PELAKSANAAN PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN 100

#### 1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan pindaan Arahan Perbendaharaan 100(a) dan 100(b) berhubung dengan tempoh pengemukaan tuntutan perjalanan serta keperluan kelulusan bagi tuntutan perjalanan yang dikemukakan melebihi satu (1) kali dalam tempoh sebulan.

#### 2. LATAR BELAKANG

Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan pindaan kepada Arahan Perbendaharaan 100(a) dan 100(b) bagi memperkemaskan kawalan dan pengurusan tuntutan perjalanan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Sabah bersetuju untuk mengguna pakai pindaan tersebut bagi memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan secara berdisiplin, telus dan selaras dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

#### 3. PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN

##### 3.1 Arahan Perbendaharaan 100(a)

Tuntutan perjalanan hendaklah disahkan dan dikemukakan tidak lewat daripada lima belas (15) haribulan dalam bulan berikutnya selepas perjalanan tersebut dilakukan.

**“SABAH MAJU JAYA”**

3.2 Arahan Perbendaharaan 100(b)

Tuntutan perjalanan yang dikemukakan melebihi satu (1) kali dalam tempoh sebulan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

**4. TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

**5. PEMATUHAN**

Semua Ketua Jabatan hendaklah memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap pekeling ini. Sebarang ketidakpatuhan boleh dikenakan tindakan selaras dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

**6. PENUTUP**

Dengan berkuat kuasanya pekeling ini, semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Negeri hendaklah memastikan pelaksanaan tuntutan perjalanan dilaksanakan secara teratur, berintegriti dan selaras dengan prinsip tadbir urus kewangan yang baik.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR, JP)**  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah

Tarikh: 19 MAR 2026

s.k. YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu  
**88400 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri Sabah  
Tingkat 8, 9, 10 & 11, Blok A, Menara Kinabalu  
**88400 KOTA KINABALU**

**“SABAH MAJU JAYA”**

Pengarah  
Jabatan Audit Dalam Negeri Sabah  
Tingkat 7-11, Blok B, Wisma Tun Fuad Stephen  
Jalan Tuaran, Karamunsing  
**88646 KOTA KNABALU.**

Diedarkan Kepada :  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil.

*DSI/NRI*

**“SABAH MAJU JAYA”**